



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 SEPTEMBER 2018 (SABTU)

AKHBAR	MUKA SURAT
KOSMO	
- Highland Towers akan diroboh dalam tempoh sebulan lagi	06
New Strait Times	
- Highland Towers may be demolished next month	09
Berita Harian	
- Highland Towers diroboh Oktober	08



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 SEPTEMBER 2018 (SABTU)

Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	Highland Towers akan diroboh dalam tempoh sebulan lagi
Muka Surat	06

Highland Towers akan diroboh dalam tempoh sebulan lagi

PETALING JAYA - Kondominium Highland Towers di Taman Hillview, Hulu Kelang, Selangor dijangka dirobohkan dalam tempoh sebulan lagi bagi membolehkan pembangunan semula dibuat secepat mungkin.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, pihaknya berharap pembangunan di kawasan runtuhannya kondominium berkenaan dapat dijalankan menjelang Disember ini.

"Sebuah taman rekreasi akan dibina di atas tapak runtuhannya kondominium Highland Towers yang runtuh kira-kira 25 tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat keluarga kanak-kanak perempuan, Siti Nur Nadhirah Khairul Anuar, 4, yang maut akibat ter-

jatuh dari balkoni rumahnya di tingkat 17, Blok A, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kota Damansara di sini semalam.

Highland Towers terdiri daripada tiga blok setinggi 13 tingkat.

Pada 11 Disember 1993, Blok 1 runtuh selepas kejadian tanah runtuh dan mengakibatkan seramai 48 orang terbunuh dalam tragedi itu.

Berikutan kejadian itu, penghuni dua blok lain terpaksa dipindahkan atas sebab keselamatan sehingga menyebabkan kedua-dua blok terbabit terbiar.

Mengulas mengenai kejadian seorang budak maut selepas terjatuh balkoni, Zuraida memberitahu, Kementerian akan mewujudkan program sokongan komuniti bagi penjagaan kanak-kanak di setiap PPR.

Katanya, program yang meng-

INFO Highland Towers

- Kondominium terletak di Taman Hillview, Hulu Kelang, Selangor
- Terdapat tiga blok setinggi 12 tingkat
- Salah satu blok runtuh pada 11 Disember 1993
- Kejadian berlaku akibat hujan lebat selama 10 hari berturut-turut
- Mengakibatkan 48 orang mati
- Kedua-dua blok terbiar selama 25 tahun
- Bakal dibangunkan dengan taman rekreasi

galakkan golongan ibu di PPR bekerjasama menjaga kanak-kanak di kawasan perumahan mereka itu akan dimasukkan dalam dasar perumahan rakyat baharu yang dijangka diumumkan hujung bulan ini.



DUA blok kondominium Highland Towers ini akan dirobohkan bagi memberi laluan kepada projek pembinaan taman rekreasi. - Gambar hiasan

"Kita dapati ada ibu bapa yang tinggal di PPR tidak mampu menghantar anak ke pusat asuhan atau mengupah orang menjaga anak-anak. Jadi mela-

lui program ini akan ada para ibu yang secara sukarela menjaga anak-anak jiran yang lain semasa ibu bapa mereka keluar bekerja," ujarnya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 15 SEPTEMBER 2018 (SABTU)	
Akhbar	New Strait Times
Tajuk Berita	Highland Towers may be demolished next month
Muka Surat	09

ABANDONED NST 15/9/18 Ms09.

Highland Towers may be demolished next month

PETALING JAYA: Abandoned for 25 years, Highland Towers is scheduled for demolition as early as next month.

Housing and Local Government Minister Zuraida Kamaruddin said the process of demolishing the apartment blocks would be managed by the Ampang Jaya Municipal Council.

"The Highland Towers Redevelopment Committee has obtained a solution after holding discussions with developers and Insolvency Department. We have identified all the owners.

"We hope that by December, there would be plans for a redevelopment project for Highland Towers."

She said they were studying policies on abandoned projects.

"There was a need to review procedures involved to speed up and simplify the process of acquiring these projects for redevelopment to be carried out."

Last month, Zuraida proposed turning the Highland Towers site into a recreation park.

This is because the soil structure in the area is not suitable to carry out residential projects.

Highland Towers, located in Ulu Klang, remains a black mark in Malaysia's history when on Dec 11, 1993, 48 people died after one of its apartment blocks collapsed.





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 15 SEPTEMBER 2018 (SABTU)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Highland Towers diroboh Oktober
Muka Surat	08

Highland Towers diroboh Oktober

BH 15/9/18 m/s 08

Petaling Jaya: Bangunan Highland Towers di Hulu Klang, Ampang yang terbiar sejak 25 tahun lalu akan dirobohkan seawal-awalnya bulan depan bagi membolehkan pembangunan semula di kawasan itu dilakukan secepat mungkin.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata proses merobohkan bangunan itu akan diuruskan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Beliau berkata, Jawatankuasa Pembangunan Semula Highland Towers sudah mendapat penyelesaian selepas berunding dengan pemaju dan Jabatan Insolvensi Malaysia serta mengenapasti semua pemilik.

"Mereka (jawatankuasa) sekarang pada peringkat mengemukakan cadangan pembangu-

nan di kawasan itu selepas Highland Towers dirobohkan seawal-awalnya bulan depan.

Syor jadi taman rekreasi

"Kita berharap pada Disember depan sudah ada perancangan untuk projek pembangunan semula Highland Towers," katanya selepas menziarah keluarga kanak-kanak perempuan tiga tahun yang maut akibat terjatuh dari tingkat 17, di Blok A, PPR Kota Damansara di sini, semalam.

Bulan lalu, Zuraida mencadangkan Highland Towers dibangunkan semula sebagai lokasi taman rekreasi. Cadangan itu dibuat memandangkan struktur tanah di kawasan terabit tidak sesuai untuk pembinaan perumahan.

Pada 11 Disember 1993, satu

daripada tiga blok kondominium Highland Towers di Taman Hillview, Hulu Klang runtuh dalam tragedi yang meragut nyawa 48 orang.

Sementara itu, Zuraida berkata, kementeriannya juga sedang mengkaji semula dasar

berhubung projek terbengkalai.

Katanya, ada keperluan untuk meneliti semula prosedur yang terabit bagi mempercepatkan dan memudahkan proses ambil alih seterusnya pembinaan semula.



Keratan akhbar BH
bertarikh 27 Jun 2018.